



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

DI

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL VARSITI INKLUSIF
UNIVERSITI MALAYA SEMPENA
SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA (HOKU) 2017**

12 DISEMBER 2017

(SELASA)

UNIVERSITI MALAYA

Bismillahirrahmanirrahim,

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Rohana Yusof, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaya;

Yang Berusaha Cik Nor Tipah Majin, Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat;

Yang Berusaha Puan Lizawati Abd Sane, Ketua Seksyen Kaunseling & Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaya;

Yang Berhormat Senator Bathmavathi Krishnan
Senator Dewan Negara;

Dif-dif Kehormat, Barisan dekan & pengetua, rakan-rakan media, wakil-wakil dari institut pengajian tinggi seluruh negara, mahasiswa-mahasiswi OKU, tetamu jemputan, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum W.B.T., salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi atas rahmat dan izin-Nya, kita semua dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Karnival Varsiti Inklusif Universiti Malaya pada petang ini. Saya amat berbesar hati apabila diundang oleh pihak Universiti Malaya untuk merasmikan karnival ini. Terima kasih kepada Universiti Malaya atas penghormatan ini.

SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, rasanya masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan **Selamat Hari Orang Kurang Upaya** kepada semua Orang Kurang Upaya (OKU) di negara ini **sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya pada 3 Disember lalu**. Pada tahun ini, tema Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Antarabangsa yang telah dipilih oleh *World Health Organisation (WHO)* adalah “**Transformation towards sustainable and resilient society for all**” atau “**Transformasi ke arah Masyarakat Lestari dan Berdaya Tahan**”. Tema ini bertepatan dengan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 yang bertujuan untuk **memastikan OKU mendapat hak yang sama rata dan “leave no one behind”** bagi pembangunan dan pemerksaan dalam semua **aspek** melalui sokongan padu daripada pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pihak swasta dan juga masyarakat.

KARNIVAL VARSITI INKLUSIF UNIVERSITI MALAYA

3. Saya dimaklumkan Karnival Varsiti Inklusif Universiti Malaya anjuran Universiti Malaya dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Malaysian *Confederation of the Disabled* ini diadakan bersempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2017. Program sambutan Hari Orang Kurang Upaya di Universiti Malaya ini telah bermula sejak bulan November lagi, dengan penganjuran Pertandingan Motivator Ikon OKU Intervarsiti pada 12 November lalu dan Karnival pada hari ini adalah merupakan kemuncak kepada sambutan tersebut.

4. Penganjuran Karnival ini bermatlamat untuk memasyarakatkan aspirasi keterangkuman dalam persekitaran pendidikan tinggi negara. Bukan itu sahaja, ia juga menyediakan platform kepada para mahasiswa dan ahli akademik OKU untuk menyuarakan harapan mereka berhubung isu-isu OKU dalam sektor pendidikan tertier tempatan. Di samping itu, Karnival ini juga turut memberikan peluang kepada semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menjalin hubungan kerjasama yang erat, terutamanya dalam hal ehwal pengurusan OKU dalam sektor ini. Tuntasnya, Karnival Varsiti Inklusif Universiti Malaya ini merupakan medium terbaik buat semua pihak terbabit dalam usaha merangkumkan golongan OKU dalam segenap aspek persekitaran IPT tempatan.
5. Pihak penganjur juga telah mengadakan beberapa pertandingan bersempena dengan Karnival ini. Syabas dan tahniah kepada setiap peserta yang telah mengambil bahagian.

AKSES KEPADA PENDIDIKAN

6. Hadirin yang dihormati sekalian,
Hak dan kepentingan OKU adalah untuk diberi keutamaan turut serta dan terlibat aktif dalam pendidikan. Perkara ini jelas termaktub di bawah Seksyen 28(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dinafikan haknya untuk belajar di setiap peringkat pembelajaran, iaitu dari prasekolah sehinggalah peringkat tertier, termasuklah pendidikan vokasional dan teknikal.

7. Berdasarkan kepada Seksyen 28(2) pula, pihak penyedia perkhidmatan pendidikan tinggi, baik Institut Pengajian Tinggi Awam(IPTA) mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta(IPTS), hendaklah mengambil tindakan untuk menyediakan kemudahan serta perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan keperluan mahasiswa OKU.

8. Selaras dengan Teras Strategik 3, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, beberapa tindakan serta indikator telah digariskan khusus untuk sektor pendidikan tinggi negara. Antaranya sasaran peningkatan sebanyak 50% daripada IPT dalam negara mempunyai persekitaran fizikal yang menggunakan konsep reka bentuk sejagat (*universal design*) menjelang tahun 2022. Sesungguhnya, pemakaian konsep reka bentuk sejagat ini bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan OKU pelbagai kategori, malahan memberi impak positif kepada golongan warga emas serta kanak-kanak. Untuk itu, saya menyeru kepada semua IPTA dan IPTS untuk bersama-sama mengorak langkah, mengambil tindakan proaktif untuk memastikan sasaran dalam pelan tindakan ini dipenuhi. Kerjasama merentas sektor perlu diaplikasikan demi menjayakan aspirasi keterangkuman dalam sektor pendidikan tinggi negara.

9. Saban tahun kita menyaksikan peningkatan jumlah OKU yang berjaya melanjutkan pengajian ke tahap tertier. Sewajarnya tumpuan serius diberikan kepada penyediaan sistem sokongan kepada golongan mahasiswa OKU. Tidak lupa juga kebajikan serta keperluan golongan kakitangan OKU yang berkhidmat di IPT, baik sebagai kakitangan

pentadbiran mahupun kakitangan akademik. Maka, kita tidak boleh lagi meminggirkan isu perangkuman OKU dalam sektor pendidikan tinggi negara.

PERANAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE ARAH PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN OKU DI IPT

10. Hadirin yang dihormati sekalian,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut memainkan peranan utama bagi menjayakan aspirasi keterangkuman dalam sektor pendidikan tinggi negara. Ia direalisasikan melalui aspek meningkatkan aksesibiliti OKU di IPT agar persekitaran dan kemudahan yang disediakan mampu menyokong kehidupan mahasiswa OKU di universiti. Sebagai contoh, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jawatankuasa Rekabentuk Sejangat dan Alam Bina telah melaksanakan audit akses di Universiti Malaysia Sabah pada 16 Oktober lalu. Inisiatif ini akan diteruskan lagi dari masa ke masa dan diharapkan menjelang 2022 matlamat peningkatan 50% IPT yang berkonsepkan *universal design* dapat dicapai.
11. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga turut menyumbang ke arah pembangunan dan pemerksaan OKU di IPT. Antaranya menawarkan program bagi meningkatkan kualiti modal insan dalam kalangan mahasiswa OKU agar lebih berdaya saing apabila berada di pasaran kerja. Matlamat ini

diterjemahkan melalui Program Persiapan Pekerjaan yang diadakan khusus kepada golongan pelajar lepasan sekolah dan mahasiswa OKU sebelum memasuki alam pekerjaan. Antara pengisian program adalah sesi perkongsian dengan agensi berkaitan pekerjaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jobs Malaysia, *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* dan sebagainya. Dalam program ini juga, peserta turut didedahkan dengan kaedah penyediaan resume, simulasi temuduga, motivasi, dan sesi bimbingan dan kauseling.

12. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari masa ke masa akan mengenalpasti kaedah terbaik bagi meningkatkan kolaborasi dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam aspek aksesibiliti OKU terhadap perkhidmatan dan kemudahan pendidikan. Sesungguhnya, saya melihat inisiatif Universiti Malaya ini wajar dicontohi oleh mana-mana IPTA dan IPTS dalam usaha mereka membangun serta merangkumkan golongan OKU di institusi-institusi mereka. Universiti Malaya bukan sahaja telah berjaya membangunkan polisi serta mekanisme sistem sokongan yang baik, malah telah berjaya mengorak langkah proaktif dengan menyediakan Tatacara Operasi Tetap Penyediaan Kemudahan serta Perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran Siswa OKU yang bakal dilancarkan sebentar lagi. Hubungan kerjasama yang lebih erat dengan pihak Universiti Malaya akan ditingkatkan dalam usaha mewujudkan sebuah persekitaran pendidikan tinggi negara yang inklusif untuk OKU di Malaysia.

HARAPAN

13. Adalah menjadi harapan saya agar Karnival Varsiti Inklusif Universiti Malaya ini dapat dijadikan sebagai medan perintis kepada penubuhan sebuah sekretariat yang bertindak sebagai penasihat dan pemantau kepada isu-isu OKU dalam sektor pendidikan tinggi dengan keanggotaannya terdiri daripada para pegawai pengurusan OKU, ahli akademik OKU serta mahasiswa-mahasiswi OKU. Kepada mahasiswa-mahasiswi OKU, teruskan usaha dan buktikan bahawa kalian juga mampu berjaya setara dengan mahasiswa lain.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Universiti Malaya, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Malaysia Confederation of the Disabled* dan seluruh jawatankuasa penganjuran atas usaha dan komitmen tinggi untuk memastikan kelancaran program yang akan berlangsung selama dua hari ini. Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang.
15. **Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Karnival Varsiti Inklusif Universiti Malaya sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) 2017.**

Sekian, terima kasih.